

Bahan asal dari Arkit  
Negara Malaysia

# DR. MAHATHIR BIKAS BARANG NEGARA KAYA

**NEW YORK, Khamis** — Dunia akan menjadi huru-hara dan kerajan akan tumbang, sekiranya ekonomi dunia yang berpunca dari sikap negara-negara kaya tidak diatasi segera.

Imperialisme negara-negara kaya yang mahu mendominasi ekonomi dunia akan menyebabkan negara-negara miskin terus menderita.

Sekiranya keadaan ini berlanjutan, maka dunia ini akan dipenuhi dengan kekejaman, pemertan dan revolusi, tegas Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad ketika menyampaikan ucapan sulungnya di Perhimpunan Agung ke-37 Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) di sini, petang ini.

Perdana Menteri menaruh perhatian badan dunia itu, hubungan yang tidak seimbang di antara negara-negara pengeluar barangan dengan negara-pengeluar bahan utama akan mengakibatkan jurang perbezaan antara negara kaya dan miskin bertambah besar.

"Kemelesetan ekonomi sekarang

berpunca dari negara-negara kaya. Orang di negara-negara ini tidak berpandangan jauh dan bertindak mengencilkan perdagangan dunia menaikan kadar faedah.

"Dengan faedah yang tinggi, pelaburan menjadi kurang dan perkembangan perniagaan terhalang.

"Dengan itulah maka barangan bertimbuhan tidak dijual atau terjual dan kesannya menyebabkan harga terus merosot," tegas beliau.

Datuk Seri Dr. Mahathir menekankan, betapa negara-negara-pengeluar bahan utama tidak menikmati hasil yang sewajarnya meskipun mereka membekal barangan-pengilangan berdasarkan kos pengeluaran, pemasaran dan untung yang dibuat oleh negara itu.

"Harga bahan utama nampaknya ditentuk oleh orang-orang yang tidak ada kaitan dengan pengeluaran mereka. Mereka bertindak seuka-hati menentukan harga barangan utama ini," tambah beliau.

Sehubungan ini, Perdana Menteri membidas se golongan yang

menguasai pasaran barangan kerana mereka ialah yang memanipulasikan harga untuk tujuan menguntungkan pihak broker, penjual, spekulator dan sebagainya.

"Mereka inilah yang menikmati keuntungan, baik di masa harga melambung, maupun di masa harga jatuh," tegas beliau.

"Keadaan lebih mendukacitakan lagi kerana pasaran barangan ini bertukar menjadi kolab eksklusif golongan tertentu yang mana kebahilannya tidak terbuka kepada negara-negara-pengeluar bahan utama.

"Mereka inilah yang membuat undang-undang, peraturan dan melaksanakannya. Sekiranya keuntungan mereka terancam, peraturan dan undang-undang dipinda, justeru itu mereka bukan sahaja terancam tetapi juga menikmati keuntungan yang banyak," katanya.

Perdana Menteri seterusnya melahirkan kesalinya kerana perjanjian antara negara-pengeluar dan pengguna barangan yang tidak menguntungkan negara

pengeluar.

Perjanjian itu mengenakan cukai ke atas negara-pengeluar semasa harga jatuh tetapi menguntungkan pengguna semasa harga naik, ia seperti main lambung duit, "ekor awak menang," ujarnya.

Dalam keadaan ekonomi seperti ini, tambah Perdana Menteri, negara-negara-pengeluar bahan utama terpaksa menjual tiga hingga lima kali ganda bahan utamanya bagi membeli nilai yang sama barang-buatan negara maju.

## Memecahkan

Dalam lain perkataan, jurang antara negara kaya dan miskin semakin luas, iaitu antara 300 hingga 500 peratus bagi jangka masa 20 tahun lalu, tambah Perdana Menteri.

Perdana Menteri kemudiannya memberi contoh bagaimana bahan utama Malaysia, iaitu bijih timah, getah dan kelapa sawit terjejas akibat manipulasi pasaran barangan.

"Kami berbakat mendapat bayaran yang setimpal kerana kami

memerlukan wang meneroka, mengeluar, memaju dan menjalankan kajian-pembangunan ke atas bahan-bahan utama itu," tambah beliau.

Menyentuh stok perniagaan Amerika Syarikat, Perdana Menteri berkata, langkah itu mempunyai kebanyakannya, tetapi bukan stok tersebut bukan bertujuan sebagai langkah keselamatan.

Kini stok penimbal lebih merupakan senjata monopoli negara-negara kaya untuk mengurangkan harga barangan bagi keuntungan pengguna, ujarnya.

Katanya lagi: "Kami di Malaysia mengalami kesan ini. Sebagai sebuah negara kami cuba hidup mengikut peraturan dan meniadakan hubungan ekonomi antara negara."

"Kami tidak memiliki-negarakan industri-industri yang dibina di zaman penjajahan di mana kekayaan negara kami dikalahkan oleh bangsa asing yang biasanya tidak tahu di mana negara Malaysia.

"Tetapi kesabaran kami dipergunakan dengan mem-manipulasikan pasaran

sehingga menyebabkan rakyat kami menjadi buruh yang tidak mendapat bayaran setimpal, tambah beliau. Malaysia, katanya, cuba memecahkan sistem pasaran yang ada dengan mengusahakan perubahan negara-negara-pengeluar bahan utama.

Bagaimanapun, jelas beliau, peratusan itu bukan bertujuan memonopoli pasaran, kerana negara-negara-pengeluar memahami kesao-kesao buruh sekiranya mereka bertindak secara tidak munasabah.

Kepada kuasa-kuasa besar yang menguasai ekonomi dunia sekarang, Perdana Menteri berharap, mereka mengambil langkah bagi menyelamatkan dunia dari terus dilanda kemelesetan.

Langkah pertama yang perlu dijalankan ialah memurunkan kadar faedah simpanan supaya pelaburan dan kegiatan perniagaan berkembang. Manakala langkah kedua ialah mengurangkan pengawalatan pasaran seperti yang dijalankan oleh negara-negara maju sekarang.